

**PEMBINAAN MODUL HAFALAN AL-QUR'AN
BERDASARKAN TEMATIK AYAT BAGI MEMBANTU
PENGUASAAN PEMAHAMAN AL-QUR'AN
DALAM KALANGAN HUFFAZ**

*Mohd Abdul Nasir Abd Latif & Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi

ABSTRACT

This study aims to develop a prototype module of the other Qur'anic verses based on thematic verses to help in understanding the Qur'anic verses among the huffaz. The study conducted in order to suggest one's Quranic memorization methodology based on thematic in which emphasises on words meaning, meanings' and understanding explanation and evaluation. The rational of this study also because the lack of research and study on Quranic memorization's methodology among Tahfiz institution. This study is a qualitative study using a document analysis approach. The primary data of the study is the content of the Qur'an while the library references as secondary data. The ADDIE model is used to build the module framework. The findings show that five major themes have been identified namely belief, worship, manner and morals, qasas and science. Based on these themes, a prototype module was introduced. This module is built on six sections with each section having a role in helping to master memorising and understanding Quranic's texts. This module is expected to be the basis for the development of a more comprehensive module to help huffazes master the memorising and understanding of the Qur'an.

Keywords: *Memorising, al-Quran, Thematic, Understanding, Huffazes*

Jabatan Pengajian Islam,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Perak
muhd.nasir@fsk.upsi.edu.my

PENDAHULUAN

Hafalan al-Qur'an berperanan untuk menjaga al-Qur'an dan seterusnya mengekalkan kesucian al-Qur'an dari terdedah kepada sebarang bentuk perubahan dan penyelewangan. Pendidikan tahfiz al-Qur'an merupakan pendidikan terawal dalam sejarah Pendidikan Islam. Ini berlaku menerusi penerimaan wahyu pertama oleh Rasulullah SAW yang berlaku secara hafalan (Azmil Hashim & Halim Tamuri, 2012). Rasulullah SAW menerima lima ayat pertama dari Surah al-Alaq tanpa membuat sebarang catatan di mana-mana lembaran. Catatan dan penulisan al-Qur'an hanya berlaku selepas beberapa tahun penurunan wahyu. Proses hafalan al-Qur'an dalam kalangan sahabat selepas itu telah menyumbang kepada kekalnya al-Qur'an dijaga sehingga ke hari ini. Usaha berterusan yang dijalankan untuk menjaga keaslian al-Qur'an dari sebarang tokok tambah atau pengurangan merupakan perencanaan Allah dalam penjagaan al-Quran. Firman Allah:

Sesungguhnya Kami lah yang telah menurunkan al-Qur'an dan Kami lah yang menjaganya (al-Hijr:9)

Ayat ini bermaksud Kami (Allah) memelihara al-Kitab yang Kami turunkan kepada Muhammad SAW dari sebarang penambahan, pengurangan, pengubahan, penggantian, penyelewangan dan penentangan serta kerosakan dan kebatilan. Pada permulaan zaman akan datang, orang yang memelihara dan melindunginya menyeru manusia kepadanya, dan mengeluarkan untuk mereka apa yang terkandung di dalamnya yang berupa pengajaran, buku, adab, dan ilmu pengetahuan yang sesuai dengan pelbagai penemuan yang dikeluarkan oleh akal dan pelbagai teori serta pendapat yang disimpulkan oleh fikiran (Al-Maraghi, 2001). Kesemua usaha tersebut merupakan proses berterusan yang dilaksanakan bagi memelihara al-Qur'an. Oleh itu, salah satu usaha yang dijalankan sejak dari zaman Rasulullah lagi dalam memastikan keaslian al-Quran sentiasa terpelihara ialah melalui cara menghafaz. Oleh yang demikian, telah banyak wujud pusat-pusat tahfiz al-Qur'an di seluruh dunia bagi memastikan al-Qur'an sentiasa dipelihara dan menjadi sumber ilmu yang utama dalam Islam.

Proses hafalan yang dimulakan oleh Rasulullah SAW dan dipraktikkan oleh para sahabat menunjukkan pendidikan hafalan al-Qur'an sejak awal lagi telah bertapak dalam Islam. Seiringan dengan itu, telah banyak kaedah hafalan yang telah digunakan oleh para Huffaz. Kaedah-kaedah ini merupakan satu langkah untuk membantu mereka yang ingin menghafaz al-Qur'an dengan mudah dan cepat serta mengekalkan ingatan mereka terhadap ayat yang dihafal. Pada zaman Nabi SAW sendiri, para sahabat telah menghafal setiap wahyu yang diturunkan secara berperingkat oleh Allah s.w.t. Proses turunnya al-Qur'an secara berperingkat-peringkat membantu dan memudahkan Rasulullah S.A.W. untuk menyampaikannya kepada para sahabat, yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya (Abdul Hafiz *et. al* 2003).

PERNYATAAN MASALAH

Tinjaun yang dijalankan di pusat-pusat tahfiz al-Qur'an di sekitar negeri Kelantan, Terengganu dan Lembah Klang mendapati modul hafalan yang sedia ada digunakan di pusat-pusat pengajian hafalan tersebut hanya memberi penekanan kepada pelajar untuk meningkatkan hafalan. Sebagai contoh kaedah hafalan yang digunapakai di IQKL. Menurut Rahimi Ramli, aktiviti hafalan sentiasa dilakukan untuk memperkemas ingatan. Biasanya ia dilakukan pada sebelah pagi, petang dan malam. Jika pelajar dikehendaki mentasmik pada keesokan harinya, maka mereka akan menghafaz ayat-ayat yang perlu ditasmik pada keesokan harinya pada dua atau tiga malam sebelumnya. Ini sebagai persediaan mereka supaya dapat mengingat dengan baik dan tidak tergesa-gesa atau kelam kabut (Abdul Hafiz *et. al* 2005). Ulasan ini menunjukkan penekanan kepada hafalan menjadi fokus utama dalam kaedah hafalan sedia ada di pusat-pusat tahfiz berkenaan.

Penekanan terhadap makna ayat dan pengetahuan terhadap asbab nuzul merupakan dua perkara yang penting dalam membantu pelajar memantapkan hafalan. Abu al-Wafa (1999) menjelaskan bahawa dengan mengetahui makna ayat yang dihafaz dan mengetahui asbab nuzul ayat akan membantu pelajar dalam menghafaz dan meyakinkan ingatan. Dalam kajian Misnan (2003), beliau menegaskan bahawa pelajar yang cemerlang di dalam hafalan al-Qur'an adalah pelajar yang memahami terjemahan ayat al-Qur'an, memahami maksud cerita al-Qur'an dan mengaitkan kefahaman serta analisis dari ayat yang dihafaz.

Walaupun kaedah hafalan yang memberikan penekanan terhadap pengetahuan makna itu penting, dapatan yang diperoleh menerusi beberapa kajian mendapati kaedah ini tidak dilaksanakan dengan baik dalam sistem yang sedia ada. Sebagai contoh kajian Abdul Hafiz et. al. (2005) dan Mohamad Marzuqi (2008) yang telah menyatakan bahawa kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tahfiz. Dapatan yang sama juga diketengahkan oleh Azmil Hashim et. al (2013). Azmil et. al (2013) dalam kajiannya berkaitan amalan kaedah pengajaran tahfiz menyatakan kaedah menerangkan makna kalimah, menghuraikan maksud ayat, menerangkan asbab nuzul ayat, menghuraikan kefahaman ayat dan melakukan penilaian melalui penulisan amat kurang diberi perhatian oleh guru. Kaedah hafalan yang sedia ada juga menjadikan pelajar merasa jemu. Kasma dan Arifi (2005) menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar yang menghafaz al-Qur'an menghadapi perasaan jemu apabila terpaksa mengulangi ayat dari juzuk sama. Lebih-lebih lagi apabila mengulanginya sehingga berhari-hari. Perasaan jemu ini lahir dari kelemahan untuk menguasai maksud ayat yang dihafaz seterusnya merencatkan tahap-tahap penguasaan maksud al-Qur'an.

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di atas, satu penyelidikan bagi membina satu model hafalan berbentuk tematik dijalankan. Ini kerana model hafalan seperti ini belum pernah dibina dan digunapakai dalam mana-mana kurikulum tahfiz di pusat-pusat tahfiz di Malaysia. Ia merupakan satu bentuk inovasi bagi membantu para huffaz dan pusat-pusat tahfiz dalam usaha memantapkan pemahaman hafalan dan kurikulum tahfiz yang sedia ada.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti tema-tema utama dalam sub-sub tema berkaitan yang terdapat dalam ayat-ayat al-Qur'an.
- ii. Menganalisis ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan tema-tema utama dalam al-Qur'an.
- iii. Mengemukakan satu rangka modul prototaip hafalan al-Qur'an berdasarkan tematik.

TINJAUAN LITERATUR

Bidang hafalan al-Qur'an di Malaysia bukanlah merupakan satu bidang yang baru. Ia berkembang sejak daripada pengajian di peringkat madrasah hingga peringkat pengajian tinggi (Mohamad Nazir & Shahrulkarnain, 2013). Namun begitu, pada awalnya, perkembangan pendidikan tahfiz berlaku secara perlahan disebabkan Tanah Melayu pada ketika itu masih berada di bawah penjajahan British (Mohd Yusof, 2015 ; Mohd Hairudin & Kamarul Azmi (2012). Pada ketika itu, pendidikan al-Qur'an yang berlaku lebih tertumpu kepada kemahiran membaca al-Quran (Nordin Ahmad, 2015). Selain itu, masyarakat di Tanah Melayu juga berhadapan dengan kekurangan kemudahan, prasarana fizikal, kewangan dan sebagainya. Ini menjadikan ilmu-ilmu berkaitan dengan pendidikan tahfiz al-Quran terhenti kepada guru serta tidak dapat berkembang dengan meluas (Mohd Yusof, 2015).

Pendidikan ini kemudiannya berkembang dengan pesat dengan tertubuhnya pusat-pusat tahfiz di Malaysia. Maahad Tahfiz al-Qur'an di bawah selenggaraan kerajaan Malaysia secara rasmi telah ditubuhkan pada tahun 1966 atas saranan Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tuanku Abdul Rahman Putra al-Haj dan beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur (Wan Mohamad, 2010). Saranan yang dibuat ini menggambarkan pengiktirafan kepada pengajian tahfiz di Malaysia. Ia merupakan langkah bijak bagi meletakkan pengajian tahfiz dalam bentuk pengajian rasmi dan diiktiraf dengan kurikulum yang digubal secara tersusun berdasarkan keperluan dan syarat yang diperlukan. Sehingga tahun 2017, sebanyak 571 buah institusi tahfiz berdaftar diseluruh negara telah dicatatkan (<http://www.islam.gov.my>). Pengiktirafan ini menyusul lagi dengan penawaran Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Qur'an dan Qira'at oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2019 (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/551459/upsi-universiti-awam-pertama-tawarprogram-tahfiz-al-quran-dan-qiraat>).

Al-Jurjani dalam Ibn. Kathir (2004) menyatakan memelihara al-Quran dengan kesungguhan hati hukumnya fardhu kifayah. Pandangan ini bertepatan dengan ulasan Ibn Kathir bahawa antara tujuan al-Qur'an diturunkan secara berperingkat-peringkat adalah untuk memperteguhkan hati Rasulullah dengan al-Quran, bersesuaian

dengan kejadian dan peristiwa serta hukum-hakam yang diperlukan oleh umat Islam. Bagi tujuan melaksanakan fardhu kifayah tersebut, banyak methodologi menghafaz al-Quran diperkenalkan dan digunapakai oleh umat Islam. Berikut adalah beberapa kaedah yang sering digunakan dalam menghafaz al-Qur'an di Malaysia.

Kaedah Doebandy dari India

Perkataan Deobandy merujuk kepada wilayah Deoband yang terletak di dalam daerah Uttar Pradesh India. Wilayah ini terkenal dengan Al-Jami'ah al-Islamiah Dar al-'Ulum Deoband. Pusat pengajian ini ditubuhkan pada 15 Muharram 1283H bersamaan 30 Mei 1867M. Idea penubuhan madrasah ini tercetus selepas bemulanya penjajahan Inggeris di India dan terhapusnya pemerintahan Islam dari benua India (Faisal Ahmad Shah, 2009). Kaedah hafalan Deobandy mula meresap masuk ke Malaysia bermula dari penubuhan Maahad tahfiz di Malaysia pada tahun 1981 (Sedek Ariffin dan Mustaffa Abdullah, 2016). Kaedah ini berkait rapat dengan jemaah Tabligh. Mereka telah membawa guru tahfiz daripada India untuk menjadi tenaga pengajar di Ma'had Tahfiz di bawah kelolaan mereka. Sehingga kini, kaedah ini masih lagi digunakan di beberapa pusat tahfiz yang sedia ada.

Kaedah ini menggunakan beberapa langkah sebagaimana berikut (Sedek Ariffin, 2011; Abdul Hafiz Abdullah et al, 2005);

i. Persediaan sebelum mengajar.

Pelajar akan diletakkan dalam kumpulan dengan setiap kumpulan mempunyai seorang guru dan pelajar 15 - 20 orang sahaja. Seorang guru akan memantau setiap kumpulan pada setiap masa. Teknik duduk dalam halaqah bersama dengan al-Quran dan rehal dan tidak dibenarkan untuk bersandar pada dinding kelas bagi mengelakkan pelajar tertidur. Kelas nazirah atau pra tahfiz akan dilakukan sebelum menghafaz sebagai langkah membantu pelajar dalam melancarkan bacaan mereka. Kelas ini memberi penekanan terhadap pelajar yang lemah.

ii. Sabak (hafalan baru)

Pelajar mula menghafal hafalan baru dengan kadar hafalan ditentukan berdasarkan kemampuan pelajar. Hafalan bermula dari juzuk 30 seterusnya juzuk 29, 28, 27 dan 26 dan kemudiannya juzuk 1 hingga juzuk 25. Ini akan memudahkan bagi pelajar, untuk mengingati ayat-ayat al-Quran kerana, 5 juzuk akhir adalah ayat-ayat yang pendek, mudah dan kebanyakannya sudah menjadi ayat-ayat lazim. Namun begitu, terdapat juga pelajar yang menghafaz juzuk yang ke 30 dan 29 terlebih dahulu dan kemudiannya juzuk 1,2 dan seterusnya hingga juzuk yang ke-28.

iii. Para Sabak (Hafalan Mingguan)

Para Sabak merupakan tempoh yang diperuntukkan selama 2 jam secara mingguan untuk mengulang hafalan secara 1 juzuk di belakang hafalan baru. Pelajar dengan pasangan masing-masing akan membaca sebanyak sejuzuk, manakala pasangannya akan menyemak bacaan tersebut dengan melihat kepada mashaf al-Quran. Mereka akan bergilir-gilir menyemak bacaan.

iv. Ammokhtar (Hafalan Keseluruhan al-Quran)

Ammokhtar iaitu hafalan keseluruhan al-Quran. Ia merupakan ayat al-Quran yang telah lama dihafal dan melebihi 1 juzuk di belakang hafalan yang terkini. Contoh perlaksanaannya adalah seorang pelajar sedang menghafal juzuk ke-15 maka memerlukan 14 hari dengan kadar 1 juzuk sehari bacaan Ammokhtar. Susunan bacaan ammokhtar perlulah mengikut susunan juzuk al-Quran.

v. Halaqah Dauri (Kelas Ulangan Hafalan)

Halaqah Dauri (Kelas Ulangan Hafalan) dilaksanakan dengan cara pelajar akan membaca dengan tidak menurut susunan juzuk dalam al-Quran. Al-Quran akan dibahagikan kepada tiga bahagian, 10 juzuk pertama, 10 juzuk kedua dan 10 juzuk ketiga. Hari pertama pelajar akan membaca juzuk pertama, hari kedua juzuk 11, hari ketiga juzuk 21, hari keempat juzuk kedua, hari kelima juzuk 12 dan seterusnya hingga khatam beberapa kali.

vi. Shahadah Hafiz (Peperiksaan).

Terdapat 3 cara untuk menduduki peperiksaan ini. Pertama pelajar membaca 30 juzuk al-Quran dalam masa satu hari, kedua membaca al-Quran 30 juzuk al-Quran dalam masa dua hari bersamaan dengan 15 juzuk sehari dan ketiga membaca al-Quran 30 juzuk dalam masa tiga hari bersamaan dengan 10 juzuk sehari. Pelajar yang menduduki peperiksaan akhir ini, akan disemak oleh 3 orang guru, 2 daripadanya merupakan guru dari halaqah-halaqah yang lain. Pelajar yang menduduki peperiksaan Syahadah Hafiz ini dikehendaki membaca al-Quran dengan lancar dan tidak boleh melakukan kesalahan melebihi 10 kali. Sekiranya pelajar tersebut melakukan kesalahan melebihi 10 kali peperiksaan tersebut akan dibatalkan. Kaedah Deobandy merujuk wilayah Deoband yang terletak di dalam daerah Uttar Pradesh India (Sedek Ariffin et. al, 2011). Kaedah ini telah mula meresap masuk ke Malaysia bermula dari penubuhan ma'had tahfiz di Malaysia pada tahun 1981 (Sedek Ariffin dan Mustaffa Abdullah, 2016). Kaedah ini berkait rapat dengan jemaah Tabligh. Mereka telah membawa guru tahfiz daripada India untuk menjadi tenaga pengajar di ma'had tahfiz di bawah kelolaan mereka. Sehingga kini, kaedah ini masih lagi digunakan di beberapa pusat tahfiz yang sedia ada. Menurut Sedek Ariffin et. al. (2011), secara umumnya kaedah ini menggunakan beberapa langkah iaitu persediaan sebelum mengajar, *Sabak* (hafalan baru), *Para Sabak* (Hafalan Mingguan), *Ammokhtar* (Hafalan Keseluruhan al-Quran), *Halaqah Dauri* (Kelas Ulangan Hafalan) dan *Shahadah Hafiz* (Peperiksaan).

Kaedah Turki Uthmani

Kaedah Turki Uthmani ini dibawa oleh Syeh Sulaiman Hilmi Tunahan. Beliau adalah tokoh Islam yang hidup pada masa pemerintahan Mustafa Kamal Atatürk. Beliau berdakwah dan mendirikan madrasah secara sembunyi-sembunyi kerana pada masa itu menyebarkan dakwah Islam dilarang. Beliau pernah dipernjara kerana dianggap menentang pemerintahan. Namun, berkat doa, kesabaran, usaha, kerja keras dan dukungan dari muridnya, akhirnya beliau mendirikan Pesantren yang dinamakan Sulaimaniyah. Beliau hidup di tiga masa iaitu zaman khalifah Turki Uthmani sebagai murid, zaman khalifah Turki Uthmani sebagai ustaz dan zaman pergantian Kekhalifahan turki ustmani menjadi Negara Turki (Hervina, 2018). Kaedah ini kemudiannya dibawa daripada Tahfiz Tuba Kiz Quran Kusu Suadiye Istanbul Turki (Sedek, 2011).

Menurut Abdul Hafiz & Norhanan (2010), keunikan kaedah hafalan Turki ini antaranya ialah mengemukakan hafalan dari helaian belakang untuk tiap-tiap juzuk. Muka surat akhir pada setiap juzuk ini digelar sayfar 1 dalam bahasa Turki yang bermaksud muka surat pertama bagi hafalan kaedah ini. Oleh itu, Model Turki Utsmani disebut juga dengan model urut mundur, sebab menghafal Al-Qur'an dengan model Turki Utsmani memiliki urutan menghafal yang tidak lazim menurut metode-metode umum. Jika metode menghafal pada umumnya memulai hafalan dari halaman pertama (dari juz yang akan dihafal), maka menghafal dengan model Turki Utsmani dimulai dari halaman terakhir (halaman ke-20 dari setiap juz) (<http://uicci.wordpress.com/perpustakaan/sistem-tahfiz-turki-utsmani/>).

Sedek Ariffin (2011) menyatakan dalam kaedah ini pelajar akan melalui dua fasa yang penting iaitu kelas kelancaran dan kelas hafalan. Keunikan kaedah ini ialah ia sangat menekankan soalan tajwid al-Quran dan hafalan dari arah belakang. Secara keseluruhannya, kaedah ini merangkumi beberapa langkah iaitu khatam 10 Kali, CHI (hafalan baru), Zor Pismis (melancarkan hafalan lama yang susah), Kolay Pismis (melancarkan hafalan lama yang mudah), Tekrar (ulangan lama keseluruhan), Tekrar Hepsi Seyfa (mengulang semua muka surat), Has (mengulang mengikut susunan juzuk 1- 30),

Menurut Yahya Muhammad (2004), terdapat empat langkah dalam Menghafal berdasarkan Model Turki. Pertama membiasakan membaca Al-Qur'an dengan melihat mushaf, dimulai dengan mengajarkan cara membaca al-Qu'an sehingga menguasai bacaan dengan baik. Kedua menghafal dengan memakai mushaf yang membagi 1 juz menjadi dua puluh halaman dan setiap halaman menjadi lima belas baris. Ketiga menghafal halaman terakhir pada juz pertama, pada hari kedua menghafal pada halaman terakhir juz dua dan seterusnya sehingga menghafal 30 halaman setiap akhir juz Al-Qu'an. Keempat Menghafal halaman sebelum terakhir juz pertama, pada awal bulan kedua, pada hari kedua menghafal halaman sebelum terakhir juz dua dan begitulah seterusnya hingga hafal 30 halaman sebelum halaman berakhir setiap juz. Langkah-langkah ini berterusan sehingga hafalan keseluruhan al-Qur'an tamat.

Kaedah Jibril

Kaedah ini direka khas bagi sesiapa sahaja yang ingin menghafal surah-surah popular. Kaedah ini dinamakan Kaedah Jibril bersempena dengan nama malaikat Jibril yang ditugaskan sebagai penghantar wahyu. Terdapat beberapa strategi asas dalam kaedah ini. Strategi tersebut adalah menghafal tiga baris sehari dalam tempoh 30 minit sehari dan pengulangan dilakukan sebanyak tiga kali pada setiap waktu solat. Kaedah ini juga boleh diubahsuai dengan cara menghafal dalam tempoh lima hari sahaja dengan setiap hafalan melibatkan tiga baris sehari. Hari hafalan melibatkan hari bekerja iaitu Isnin hingga Jumaat supaya ia tidak berasa terlalu membebankan. Ini akan membuatkan hafalan tersebut menjadi rutin seharian. Waktu hujung minggu digunakan sebagai hari mengulang. Hujung minggu merupakan waktu meluangkan masa untuk diri dan keluar sambil mengulang bacaan 15 baris hafalan dalam minggu tersebut (Mohammad Asyraf 2015).

Kaedah Efektif Hafalan Al-Qur'an

Abdul Hafiz Abdullah et. al (2005) menerusi kajian beliau menyatakan kebanyakan responden bersetuju bahawa sistem pembelajaran yang paling berkesan di dalam mendalami ilmu menghafaz al-Quran ini adalah melalui bimbingan yang diberikan oleh guru mereka. Kecenderungan ini adalah berdasarkan kepada nilai min yang dicatatkan iaitu 4.73 yang berada pada tahap persetujuan yang tinggi daripada responden terhadap pernyataan ini. Faktor ini mungkin disebabkan oleh bimbingan yang diberikan oleh tenaga pengajar atau guru di institusi pengajian tahfiz inilah yang menjadi tunjang utama kepada pembentukan dan juga pendedahan para huffaz di dalam ilmu hafalan al-Quran. Ini menunjukkan kaedah hafalan bukan menjadi penentu utama dalam memastikan penguasaan hafalan yang baik dalam kalangan huffaz. Dalam waktu yang sama. Ini menunjukkan guru adalah individu yang paling penting di dalam menyampaikan dan juga membimbing para pelajar mempelajari dan mendalami sesuatu ilmu. Menurut Abdul Hafiz Abdullah et. al, (2005) juga, hasil analisis juga menunjukkan pendekatan yang sesuai dengan pelajar adalah penting bagi mewujudkan suatu sistem pembelajaran yang berkesan di sesebuah institusi pengajian agar matlamat pembelajaran itu dapat diterapkan dengan sebaik mungkin kepada para pelajar lebih-lebih lagi di dalam ilmu al-Quran ini.

Berdasarkan pernyataan di atas, Muhammad Toriq dan Abdul Razak (2017) menerusi kajian berkaitan amalan teknik hafalan al-Quran di Darul Quran merumuskan beberapa aspek efektif yang menjadi amalan para pelajar tahfiz dalam menghafal al-Qur'an. Aspek tersebut adalah seperti berikut:

- i. Aspek pertama adalah memberi penekanan kepada kefahaman makna ayat dengan menggunakan al-Quran terjemahan. Pemahaman ini disusuli dengan menggambarkan penceritaan daripada ayat berkaitan dan juga melakukan gaya penceritaan bagi lebih mengingati ayat tersebut. Sebahagian besar pelajar melihat terjemahan makna ayat sebelum menghafaz al-Quran dan bukan melihat terjemahan selepas menghafaz. Terdapat empat teknik yang dilakukan oleh pelajar dalam teknik ini. Pertama ialah dengan melihat terjemahan satu ayat sebelum menghafaz ayat tersebut. Kedua ialah dengan melihat ayat-ayat berdasarkan bahagian ayat sebelumnya menghafaz ayat-ayat di bahagian tersebut mengikut susunan. Ketiga ialah dengan melihat terjemahan ayat pertama sehingga ayat akhir sukatan hafalan dan keempat ialah tidak melihat terjemahan ayat.
- ii. Aspek kedua pula pelajar memperdengarkan bacaan kepada rakan mereka sebelum menghafaz dan juga melakukan aktiviti tasmi' dengan kawan terlebih dahulu sebelum tasmi' dengan guru. Sebahagian pelajar pula, hanya melakukan aktiviti tasmi dengan kawan bagi ayat hafalan yang sukar sahaja. Pelajar turut memanfaatkan masa dengan melakukan persiapan hafalan beberapa hari sebelum tasmi dengan guru. Persediaan yang dilakukan dalam tempoh dua hari sebelum tasmi, pada malam hari atau pada waktu pagi sebelum menghadiri kelas rasmi.
- iii. Aspek ketiga adalah pelajar memanfaatkan nombor ayat sebagai teknik hafalan. Ini termasuk dengan menghafaz nombor ayat serta membina penomboran ayat mengikut muka surat seperti menjadikan ayat pertama pada sukatan hafalan sebagai nombor 1 dan nombor berikutnya mengikut turutan sehingga ayat terakhir sukatan hafalan tersebut.

- iv. Aspek keempat adalah pelajar memanfaatkan teknologi dengan menggunakan alat-alat audio yang mengandung bacaan qari-qari terbaik yang boleh dicontohi bacaan mereka. Pelajar terlebih dahulu mendengar sukatan hafalan mereka menggunakan audio tersebut sebelum menghafaz.
- v. Aspek kelima adalah pelajar mendengar bacaan guru sebelum menghafaz, mengingat perkataan pertama pada setiap ayat dengan menggunakan formula tertentu, membaca ayat hafalan sebanyak 40 kali dan menulis ayat yang sukar serta memberi penekanan kepada aspek adab ketika menghafaz seperti memulakan hafalan dengan berdoa, membaca surah al-fatihah, berselawat dan berwuduk.
- vi. Aspek keenam adalah membuat pembahagian ayat iaitu dengan cara membahagikan sukatan hafalan kepada beberapa bahagian ayat. Sebagai contoh, jika sukatan hafalan tersebut mempunyai 15 ayat, maka pelajar akan membahagikannya kepada tiga bahagian dengan masing-masing bahagian mempunyai lima ayat.
- vii. Aspek ketujuh adalah melancarkan ayat hafalan dengan melihat mashaf. Teknik ini melibatkan dua pendekatan yang digunakan oleh pelajar. Pertama ialah dengan melancarkan ayat hafalan dengan melihat ayat mengikut bahagian-bahagian ayat. Ini terutamanya melibatkan pelajar yang melakukan pembahagian ayat. Kedua ialah melancarkan ayat hafalan bermula daripada ayat pertama sehingga ayat akhir sukatan hafalan.
- viii. Aspek kelapan adalah teknik dalam menghafaz ayat hafalan. Teknik menghafaz ayat hafalan ini merupakan proses menggambarkan ayat yang akan dihafaz di dalam memori. Terdapat empat teknik yang digunakan pelajar. Pertama ialah menghafaz ayat-ayat mengikut bahagian ayat dengan mengulangi ayat yang baru dihafaz sebelumnya sebelum menghafaz ayat yang baru. Teknik ini bagi memastikan ayat sebelumnya yang baru dihafaz benar-benar diingati sebelum menghafaz ayat yang baru. Sebagai contoh, sebelum menghafaz ayat kedua pada bahagian pertama, pelajar akan mengulang kembali ayat pertama tanpa melihat mashaf. Kemudian pelajar akan menghafaz ayat kedua sehingga ingat. Seterusnya sebelum menghafaz ayat ketiga, pelajar akan mengulang kembali ayat pertama dan kedua sehingga ingat dan barulah diteruskan menghafaz ayat baru. Kedua ialah menghafaz ayat-ayat mengikut bahagian ayat tanpa mengulangi ayat yang baru dihafaz sebelumnya sebelum menghafaz ayat yang baru. Sebagai contoh, setelah menghafaz ayat pertama pada bahagian pertama, pelajar terus menghafaz ayat kedua dan seterusnya ayat ketiga sehingga ayat akhir pada bahagian pertama. Proses ini berterusan sehingga ayat akhir sukatan hafalan. Ketiga ialah dengan cara menghafaz ayat pertama sehingga ayat akhir sukatan tanpa sebarang pengulangan ayat sebelumnya yang baru dihafaz. Keempat ialah dengan menghafaz ayat pertama sehingga ayat akhir sukatan hafalan dengan pengulangan ayat sebelumnya yang baru dihafaz sebagai pengukuhan

Perbincangan di atas menunjukkan modul-modul dan kaedah hafalan yang sedia ada digunakan di pusat-pusat hafalan al-Qur'an secara amnya memberikan penekanan kepada pelajar untuk meningkatkan kualiti ingatan menerusi strategi pengulangan. Pemahaman makna banyak bergantung kepada inisiatif pelajar tahfiz bagi membantu mereka menguasai hafalan seperti yang dihuraikan oleh Muhammad Toriq dan Abdul Razak (2017). Ini selari dengan dapatan Azmil Hashim et.al (2013) dalam kajiannya berkaitan amalan kaedah pengajaran tahfiz menyatakan kaedah menerangkan makna kalimah, menghuraikan maksud ayat, menerangkan asbab nuzul ayat, menghuraikan kefahaman ayat dan melakukan penilaian melalui penulisan amat kurang diberi perhatian oleh guru. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian-kajian sebelumnya oleh Mohamad Marzuqi (2008) dan Abdul Hafiz et. al (2005). Dalam waktu yang sama, dapatan-dapatan tersebut menyatakan kaedah kefahaman ayat kurang diberikan perhatian dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tahfiz. Perkara ini boleh menyebabkan lahir generasi huffaz yang hanya menghafal ayat al-Qur'an tanpa penguasaan pemahaman makna.

Bagi membantu para huffaz memahami dan menjaga al-Qur'an berdasarkan pemahaman kandungan ayat, satu bentuk modul prototaip perlu dibina bagi tujuan tersebut menerusi hafalan berdasarkan tema. Oleh itu satu kajian dijalankan bagi mengenalpasti tema-tema utama dalam sub-sub tema berkaitan yang terdapat dalam ayat-ayat al-Qur'an, menganalisis ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan tema-tema yang ada dalam al-Qur'an dan mengemukakan satu modul prototaip hafalan al-Qur'an berdasarkan tematik tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi membina satu modul prototaip hafalan al-Quran berdasarkan tematik ayat. Ia merupakan satu bentuk modul berasaskan tema ayat dalam al-Quran yang dibina berdasarkan reka bentuk kajian berbentuk penerokaan. Menurut Sabitha Marican (2005), kajian berbentuk ini sesuai digunakan apabila sesuatu permasalahan kajian itu telah dikenalpasti. Dalam kajian ini, permasalahan modul yang tidak membantu pemahaman ayat merupakan masalah yang telah dikenalpasti.

Pembinaan modul ini berasaskan model ADDIE. Model ini diperkenalkan oleh Rosset (1987). Ia berfungsi sebagai sebagai garis panduan ke arah pembinaan bahan pengajaran-pembelajaran berdasarkan keperluan. dalam konteks penyelidikan ini, keperluan pengajaran dan pembelajaran adalah berkaitan satu modul bagi membantu pemahaman para huffaz dalam menghafaz al-Qur'an. Model pengajaran ADDIE meliputi lima fasa iaitu analisis (analysis), rekabentuk (design), pembangunan (development), pelaksanaan (implementation) dan penilaian (evaluation).

Pada fasa analisis, analisis kandungan telah dijalankan bagi mengenalpasti tema utama yang terdapat dalam al-Qur'an dan dokumen-dokumen sedia ada yang membincangkan kaedah-kaedah hafalan al-Quran. Bagi memastikan ayat-ayat tersebut dianalisis dengan cermat, aliran analisis sebagaimana yang dikemukakan oleh Krippendorff (1980) dengan pengubahsuaian telah dibuat. Aliran analisis yang dijalankan adalah seperti berikut;

- i. Meneliti dan menganalisis ayat-ayat al-Qur'an dan mengeluarkan lima tema utama.
- ii. Mengkodkan tema-tema yang telah dikenalpasti dengan menyenaraikan beberapa contoh ayat.
- iii. Menyatakan peraturan dan sebab pemilihan kod-kod tema yang telah dipilih sebagai tema utama.

Pada fasa rekabentuk (design), modul ini dibina berdasar lima bahagian iaitu maklumat umum tema ayat hafalan, ayat hafalan, kaedah hafalan, maksud perkata dan huraian ringkas. Pada fasa pembangunan (development) pula, setiap bahagian tersebut diisi dengan ayat-ayat yang berkaitan tema dengan mengambil kesesuaian ayat dan pemotongan ayat tersebut agar makna ayat terjaga (tidak tergantung). Pada fasa pelaksanaan (implementation), modul ini telah diuji kesesuaiannya menerusi satu ujian yang telah dibuat kepada kepada 30 orang murid di Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI). Ia merupakan sebuah pusat pendidikan peringkat rendah di bawah kelolaan Jabatan Pembangunan Sekolah Rendah, Dewan Pemuda PAS Malaysia (https://ms.wikipedia.org/wiki/sekolah_rendah_integrasi_teras_islam). Fasa penilaian (evaluation) dilakukan sepanjang perlaksanaan tersebut dengan penambahbaikan dibuat berdasarkan penguasaan tahap pelajar dan ulasan yang diberikan oleh para guru.

DAPATAN

Berikut adalah dapatan kajian bagi pembinaan modul prototaip hafalan al-Qur'an berdasarkan tematik ayat bagi membantu penguasaan pemahaman al-Qur'an dalam kalangan huffaz.

a. Tema Ayat Hafalan

Berdasarkan analisis kandungan yang telah dijalankan bagi mengenalpasti tema utama yang terdapat dalam al-Qur'an, terdapat lima tema telah dikenalpasti iaitu Aqidah, Ibadah, Adab dan Akhlak, Qasas (Kisah-kisah) dan Sains. Lima tema ini akan menjadi teras dalam membina kelompok-kelompok ayat hafalan dalam modul prototaip yang dibina.

b. Struktur Modul Prototaip

Pembinaan modul prototaip berdasarkan kepada enam bahagian. Perincian kepada kandungan bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut;

Bahagian i

Bahagian ini mengandungi maklumat berkaitan tema, tajuk yang bersesuaian berkaitan tema, nama surah dan nombor ayat, bilangan juzuk dan muka surat dengan berdasarkan kepada Qur'an Rasm Uthmani yang dikeluarkan oleh King Fahd Glorious Qur'an Printing Complex.

Bahagian ii

Bahagian ini mengandungi ayat-ayat hafalan berasaskan dengan tema yang berkaitan. Pemilihan kandungan atau bilangan ayat adalah bergantung kepada tahap pelajar. Bagi pelajar yang masih diperingkat permulaan, sebanyak 5 – 15 baris (satu muka surat) dipilih untuk dimuatkan dalam satu unit. Saiz tulisan yang dipilih pula adalah 16.

Kedudukan dan susun atur ayat yang dipilih mengambil kira kedudukan sebenar ayat tersebut dalam mushaf al-Qur'an. Ini bertujuan membantu pelajar mengingati kedudukan ayat tersebut seperti dalam mushaf asal. Secara tidak langsung, ia akan memudahkan pelajar membuat semakan ketika membaca ayat-ayat tersebut dengan berpandukan kepada mushaf asal.

Bahagian iii

